

(EMBARGO: Untuk siaran selepas 9.30 malam ini)

Mahathir - ilmu

"TIDAK MUSTAHIL MALAYSIA CIPTA ROKET", KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bukanlah sesuatu yang mustahil bagi Malaysia merekabentuk sebuah roket untuk pergi ke bulan satu hari nanti.

Perdana Menteri berkata mereka yang kini berupaya membuat roket bukanlah manusia yang luar biasa tetapi mempunyai pengalaman yang lebih lama.

"Mereka juga, 100 tahun dahulu, sama sahaja kebolehan mereka dengan orang yang tidak mempunyai tamadun yang tinggi. Kita juga boleh," katanya dalam rancangan "Bersama Perdana Menteri" yang disiarkan menerusi TV1 malam ini.

Dr Mahathir ditanya sama ada beliau yakin kualiti pekerja di Malaysia dapat memungkinkan negara ini menjadi pengeluar yang jauh lebih baik, walaupun tidak dapat menyaingi secara sengit pengeluar-pengeluar lain.

Katanya, beliau percaya jika diberi masa yang cukup, rakyat negara ini boleh menguasai segala kecekapan dan ilmu yang diperlukan untuk meningkatkan keupayaan. -- lagi

▼16/08/16-42MS*

U GB 16-08 00110 BA174

bah

Mahathir - ilmu 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Sebab itu, katanya, kerajaan sentiasa melatih rakyat agar mereka dapat meningkatkan keupayaan dan pengalaman untuk membuat apa sahaja.

Untuk maju dengan lebih cepat, katanya, pengalaman pihak lain boleh digunakan dan diperbaiki.

Cara ini akhirnya dapat membolehkan rakyat menguasai teknologi yang secanggih mana sekalipun, katanya.

Ketika ditanya cara manakah yang beliau fikir paling penting untuk menarik rakyat bergabung menentukan segala yang dirancangan berjaya, Dr Mahathir berkata pada pendapatnya ialah pengetahuan.

"Kita tidak boleh bertindak dengan berkesan tanpa memahami apa yang kita buat, apa hasil daripadanya dan apa sebabnya," katanya. -- lagi

▼16/08/16-52MS*

U GB 16-08 00155 BA175

bah

Mahathir - ilmu 3 (Akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

Jabatan Penerangan mempunyai peranan yang amat penting untuk memberitahu rakyat apa yang perlu mereka ketahui dalam penglibatan mereka dalam proses pembangunan negara, kata Dr Mahathir.

Kerajaan juga bertanggungjawab untuk menerangkan apa sebabnya ia membuat sesuatu, katanya dan memberikan contoh mengenai langkah penswastakan, katanya.

Menurut beliau, kebanyakan orang pada mulanya beranggapan bahawa sesebuah jabatan kerajaan yang diswastakan akan cuma memikirkan untuk mencari untung sahaja, memberikan khidmat yang tidak baik, membayar gaji yang rendah serta membuang pekerja.

Tetapi, kata Perdana Menteri, jabatan-jabatan yang diswastakan itu kini ternyata berupaya memberikan gaji yang lebih baik, bonus dan sebagainya kepada para pekerjanya.

"Yang malang ialah pihak yang tidak diswastakan. Sebab itu kita cuba, kalau boleh, memungut lebih banyak cukai supaya kita jaga juga kepentingan mereka yang tidak diswastakan yang masih ada dalam kerajaan," katanya. -- Bernama

AZZ MAI

▼16/08/17-21MS*